

## PEMBENTUKAN KEPIMPINAN DIRI MELALUI IBADAH SOLAT DALAM KALANGAN PELAJAR

*(The Development of Self-Leadership through Solat among Students)*

Submitted: 29-Apr-2024  
Accepted: 28-May-2024  
Revised: 26-Jun-2024  
Published: 30-Jun-2024

**\*Haslina Hamzah<sup>1</sup>, Siti Haswa Niza Abdullah<sup>2</sup>, Noor Shamshinar Zakaria<sup>3</sup>, Zakiah Hassan<sup>4</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author's email: [haslina@uis.edu.my](mailto:haslina@uis.edu.my)

### Abstrak

Kertas konsep ini membincangkan tentang pembentukan kepimpinan diri melalui ibadah solat dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah. Solat merupakan ibadah utama dalam kalangan umat Islam dan ia merupakan rukun Islam yang kedua selepas mengucap dua kalimah syahadah. Solat juga tiang agama dan menjadi ibadah wajib kepada setiap muslim yang akil baligh. Solat yang didirikan dengan baik dan sempurna pasti mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T di samping menjadi pemangkin bagi setiap kejayaan. Selain itu, hikmah dalam mendirikan solat adalah mampu melahirkan individu yang berdisiplin dalam pelbagai aspek seperti kepatuhan kepada waktu, ketaatan kepada pemimpin, keikhlasan dalam pekerjaan dan mengawal diri dari melakukan perkara yang dimurkai Allah SWT. Berdasarkan kajian literatur, signifikan mendapati pembentukan sifat kepimpinan diri dapat dibentuk apabila individu pelajar melaksanakan ibadah solat dengan tertib dan baik. Ketinggian kesedaran diri dalam mengawal emosi dan fikiran secara positif juga dapat diterapkan. Di akhir perbincangan disertakan cadangan dalam meningkatkan amalan solat yang lebih istiqomah agar mampu mempertingkatkan kualiti kesejahteraan diri dalam meniti arus globalisasi industri 4.0.

**Kata Kunci** : Solat, Kepimpinan diri, Pelajar

### Abstract

*This concept paper discusses the formation of self-leadership through prayer among high school students. Prayer is the main act of worship among Muslims and it is the second pillar of Islam after saying the two words shahadah. Prayer is also a pillar of religion and is an obligatory act of worship for every Muslim who reaches puberty. Prayers that are established well and perfectly will definitely get a reward from Allah S.W.T in addition to being a catalyst for every success. In addition, wisdom in performing prayers can produce individuals who are disciplined in various aspects such as obedience to time, obedience to leaders, sincerity in work and self-control from doing things that displease Allah SWT. Based on the literature review, it is significant that the formation of self-leadership can be formed when individual students perform prayer in an orderly and good manner. The height of self-awareness in controlling emotions and thoughts positively can also be applied. At the end of the discussion, suggestions are included in improving prayer practices that are more consistent in order to be able to improve the quality of personal well-being in following the trend of industrial globalization 4.0.*

**Keywords:** Prayer, Self-leadership, Students

## 1.0 PENGENALAN

Solat adalah ibadat yang paling agung kerana kemuliaan pensyariatannya Rasulullah SAW kepada Allah melalui Isra' dan Mikraj. Ini menunjukkan bahawa solat adalah ibadah yang sangat istimewa di sisi Allah SWT (Ghani, 2001). Ia adalah tiang agama dan ibadah yang mendekatkan hamba kepada Pencipta. Solat mengikut syarak terdiri daripada beberapa perkataan dan perbuatan yang dimulakan dengan takbir dan disudahi dengan salam, serta dengan syarat tertentu. Selagi ia dinamakan sebagai mukallaf, ia ditaklifkan (dipertanggungjawabkan), dan kewajipannya tidak gugur. Seperti yang dinyatakan oleh Noraini Junoh dan Nor Asmira Mat Jusoh (2018), setiap orang yang beragama Islam dikehendaki melakukannya berulang kali setiap pagi, petang, dan malam sehingga akhir hayat. Solat dilaksanakan dengan penuh khusyuk, merangkumi semua elemen rukun, syarat, dan kefahaman, boleh menghalang seseorang daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar.

Firman Allah SWT : "Bacalah serta ikutlah (wahai Nabi Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya) dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan." (Surah al-Ankabut : 45)

Walaupun pelajar sangat memahami amalan solat dan kepentingannya, namun, kajian yang dijalankan di negara ini mendapati bahawa tahap pelaksanaan solat fardu adalah sederhana dan tidak memuaskan (Norzira 2019; Mohd; Masjuki 2017; Norhayati 2017 dan Hasna 2016). Solat berfungsi sebagai benteng dan perlindungan yang kukuh untuk melindungi daripada fitnah, kemungkaran, kejahatan dan hasutan syaitan. Selain itu, matlamatnya adalah untuk meningkatkan martabat dan darjat manusia yang sering melakukannya. Dengan melakukan amalan solat ini, Allah SWT menjanjikan kejayaan untuk manusia. Firman Allah yang bermaksud: 'Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam solatnya'. (Surah al-Mukminun : 1-2)

Solat adalah proses membina akhlak dan tingkah laku yang baik, yang menjadikan orang lebih bertanggungjawab dan berdisiplin. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahmad Zabidi Abdul Razak (2003), jika seseorang tidak melaksanakan perintah Allah ini, mereka akan menjadi lemah pendirian, mudah terpedaya, dan segala-galanya akan rosak. Salah satu cara yang berkesan untuk mencapai kecemerlangan diri ialah solat yang meningkatkan kepimpinan diri. Sebagaimana dinyatakan oleh Noraini Junohi dan Nor Asmira Mat Jusoh (2018), amalan solat yang sempurna adalah kewajipan ibadah Islam dan memainkan peranan penting dalam meningkatkan kepimpinan dan kecemerlangan diri seseorang individu. Ia juga berfungsi sebagai asas untuk pembangunan kesedaran spiritual dan moral, yang membolehkan kepimpinan yang beretika. Sebagai kaedah untuk mengejar kecemerlangan

## 2.0 SOLAT DAN KEPENTINGANNYA

Kalimah "solat" bermakna doa dalam bahasa (al-Asqalani, 2004; Ibn Manzur, 1956), iaitu memohon keberkatan, kesucian, penyucian jiwa dan keampunan atau doa ke arah kebaikan (al-Zuhayli, 1997) serta hubungan dan kasih sayang (Siraj al-Din, 1971; Hamdani, 2007; Ibn Manzur, 1956).

Firman Allah SWT yang bermaksud: “ Dan doakanlah mereka, kerana sesungguhnya doamu itu memberi ketenteraman untuk mereka”. (al-Taubah: 103)

Ini menunjukkan bahawa selepas mereka membayar zakat, doakanlah untuk mereka agar diampunkan oleh Allah ( Al-Zuhaily, 2015). Solat dari sudut syara' merujuk kepada beberapa perkataan dan perbuatan yang dimulakan dengan takbiratul ihram dan disudahi dengan salam mengikut peraturan tertentu. Ia dipanggil solat kerana doa adalah komponen utamanya. Selain itu, para Nabi terdahulu, seperti Nabi Ismail, telah diwajibkan untuk melakukan solat, seperti yang difirmankan oleh Allah SWT:

*“ Dan adalah ia menyuruh keluarganya mengerjakan solat dan memberi zakat, dan ia pula adalah seorang yang diredhai di sisi Tuhannya”.*

*(Maryam:55)*

Ketika diutus menjadi Rasul, Nabi Muhammad SAW telah mendirikan solat dua rakaat pada setiap pagi dan petang (al-Bakri, 2017).

Solat lima waktu wajib dilakukan ke atas umat Islam yang berakal dan baligh. *“...Sesungguhnya solat itu adalah fardhu yang ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman” (An-Nisa: 103).*

Manakala solat dari sudut istilah atau pengertian fuqaha diertikan sebagai himpunan perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbir dan diakhiri dengan salam (Badran, 1985; al-Sharbini, 1940).

Merujuk kepada makna hakikat pula solat bermaksud ,menghadirkan hati (jiwa) kepada Allah SWT dengan cara mendatangkan rasa takut kepadaNya serta menyemaikan di dalam jiwa rasa keagungan kebesarannya dan kesempurnaan kekuasaanNya' (AlJurjawi, 2008).

Firman Allah SWT yang bermaksud: “Sesungguhnya Aku ini adalah Allah, tidak ada Tuhan (yang hak) selain Aku, maka sembahlah Aku dan dirikanlah solat untuk mengingati Aku”. (Taha, 20: 14). Rasulullah SAW juga bersabda, mafhumnya: “Apabila kamu tertidur sebelum solat, atau lalai daripadanya, maka hendaklah kamu tunaikan ketika ingat. Sesungguhnya Allah SWT telah berfirman: Dirikanlah solat untuk mengingati Aku”. (Muslim, 2003: Kitab al-Masajid wa Mawadi al-Salah, Bab Qada al-Salah al-Faitah wa Istijab Ta'jil Qadaiha, Hadis no. 1569)

Selain itu, solat menurut syara'ditakrifkan sebagai beberapa perkataan dan perbuatan yang dimulakan dengan takbir dan disudahi dengan salam serta dengan syarat-syarat yang ditentukan. Maksud solat yang betul dan sempurna ialah solat yang didirikan dengan menepati segala rukun sah solat iaitu rukun qauli(bacaan), fi'li(perbuatan) dan qalbi(hati). Rukun qaulialah ucapan dan ikrar kepada Allah S.W.T., rukun fi'liialah perbuatan dan tindakan sebagai bukti kepatuhan kepada Allah S.W.T.dan rukun qalbiialah kekhayusan hati dan tumpuan penuh kepada Allah S.W.T.(Mohd Nazir,2013:28). Solat yang betul dan sempurna membentuk personaliti muslim yang berakhlak mulia dan beriman kepada Allah S.W.T.

Sebagai cara untuk menunjukkan rasa syukur kepada Allah SWT, mengerjakan solat mempunyai banyak faedah yang tersurat dan tersirat. Seseorang yang mendirikan solat dengan memenuhi semua syarat sah dan rukun solat dengan tertib, bermula dengan mengambil wuduk sehingga selesai berdoa, dan melakukannya dengan penuh khusyuk dan tawaduk di hadapan Allah SWT akan mendapat ketenangan dan kejayaan

di dunia dan akhirat. Mereka juga akan dapat mengelak daripada melakukan perkara buruk dan mungkar. Mendirikan solat bermakna mematuhi jadual solat, menyelesaikan wuduknya dan melaksanakannya dengan sepenuhnya dalam semua adab seperti berdiri, rukuk, iktidal, sujud, duduk di antara dua sujud, tasyahhud, zikir, doa, khusyuk, takut, dan hadir dalam hati.

Mengerjakan solat juga bermakna melakukannya dengan sepenuh hati dan sepenuh hati sehingga ia memberi kesan. Allah SWT telah memerintahkan kita untuk mendirikan solat. Ini bukan sekadar bersolat, dan ia tidak mempunyai kesan ke atas cara kita bertindak atau berperilaku setiap hari. Untuk mendirikan solat, adalah perlu untuk mencontohi Sunnah Rasulullah SAW dan melakukan kaifiat yang telah dijelaskan oleh syarak dengan khusyuk dan memahami maknanya serta bersungguh-sungguh menghadapkan diri kepada Allah SWT dengan ikhlas (Hasna Bidin dan Mohd Nazari Khalid, 2020 di Abu Samah).

Hubungan seseorang muslim dengan Allah SWT akan semakin erat apabila mereka sentiasa melakukan solat. Ini akan menyebabkan hatinya bersih, jiwanya tenang dan hubungannya dengan Allah akan menjadi semakin erat. Kefahaman pelajar tentang amalan solat fardhu mempunyai hubungan yang positif dengan pembentukan watak mereka. Sikap seseorang boleh dipengaruhi oleh pemahaman yang jelas tentang solat fardhu (Mohd Khusyairie et.al, 2018). Kesempurnaan solat akan melindungi amalan kebaikan lain daripada dibuang begitu sahaja. Solat adalah sangat penting berbanding dengan amalan lain.

Sabda Rasulullah yang bermaksud: "Sesiapa yang meninggalkan solat asar, maka sia-sialah amalannya" (Riwayat al Bukhari)

Kepentingan menunaikan solat juga adalah ia dapat mencegah daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar. Ini selaras dengan firman Allah S.W.T dalam surah Al-Ankabut ayat 45: "Dan dirikanlah solat, sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar".

Ayat ini menunjukkan solat yang sempurna dapat menjadi benteng kepada segala bentuk maksiat, kejahatan dan kemungkaran. Solat juga merupakan tanda pengabdian dan syukur seorang hamba kepada Allah atas segala nikmat dan rahmat yang Allah kurniakan kepada kita. Menifestasi rasa pengabdian dan syukur tersebut bertepatan dengan firman Allah S.W.T dalam surah Al-Khauthsar ayat 1-2:

"Sesungguhnya Kami (Allah) telah mengurniakan kepadamu nikmat yang melimpah ruah, kerana itu dirikanlah solat dan berkorbanlah dengan ikhlas kerana Tuhanmu".

Solat juga merupakan satu ibadah yang diterima secara langsung oleh Rasulullah S.A.W ketika Baginda mengadap Allah di Sidratul Muntaha ketika peristiwa Israk dan Mikraj. Ia amat berbeza dengan ibadah lain seperti puasa, zakat dan haji yang diterima melalui wahyu dengan perantaraan malikat Jibril A.S. Ini adalah kenyataan yang jelas bahawa ibadah solat adalah terlalu istimewa di sisi Allah S.W.T. (Anisah Abd. Ghani, 2001).

### 3.0 KEPIMPINAN DIRI

Kepimpinan adalah komponen penting dalam membentuk organisasi untuk mencapai objektif, visi, misi dan matlamatnya. Ia juga dianggap sebagai salah satu faktor yang paling penting untuk kejayaan organisasi. Menurut Jamil Ahmad dan Norlia Goolamally (2007), salah satu ukuran utama kejayaan sesebuah organisasi adalah kepimpinan.

Kepimpinan dikaitkan dengan proses struktur, kuasa, mendorong, merangsang, sumber ilham, menetapkan matlamat, mencipta wawasan, dan tanggungjawab yang memberikan motivasi kepada mereka yang berada di bawah pimpinannya (Yuki, 2002). Dengan kata lain, kepimpinan ialah keupayaan seseorang pemimpin untuk memberi arahan kepada orang bawahannya dan kesediaan orang bawahan untuk menerima arahan itu tanpa memaksa. Ia adalah komponen penting dalam organisasi kerana pemimpin membantu menunjukkan arah tujuan dan menentukan perkara yang perlu dilakukan.

Konsep khalifah adalah asas kepada kepimpinan Islam di mana setiap individu adalah pemimpin yang bertanggungjawab untuk memimpin dirinya sendiri, keluarga dan ahli bawahannya. Justeru, setiap individu adalah seorang pemimpin dan setiap individu akan bertanggungjawab atas kepemimpinannya. Selain itu, manusia juga adalah pemimpin diri sendiri atau dikenali sebagai kepimpinan diri. Ia adalah proses seseorang menggunakan sepenuhnya potensi dan kebolehan pemikirannya serta melibatkan keupayaan dan kebijaksanaan seseorang untuk mengendalikan dan menyesuaikan diri dengan keadaan. Kepimpinan diri juga membolehkan seseorang mengelak daripada memberi kesan kepada faktor-faktor yang tidak sesuai. Apabila menghadapi masalah, mereka mampu mencari cara untuk menyelesaikannya. Apabila buntu, mereka cuba mencari inspirasi. Apabila jahil, mereka bertanya dan apabila lemah semangat, mereka mampu mengaspirasikan dan memujuk diri mereka sendiri tanpa memberi kesan kepada orang lain.

#### **4.0 KESAN SOLAT TERHADAP KEPIMPINAN DIRI**

Amalan ibadat dalam Islam bukan sekadar amalan biasa. Ia juga merupakan pengesahan dan pengukuhan iman seseorang kepada Allah SWT. Menurut Noraini Junoh dan Nor Asmira Mat Jusoh (2018), setiap amalan ibadat, seperti solat, puasa, zakat, dan sebagainya dilakukan sebagai cara untuk menunjukkan pengabdian dan ketaatan kepada Allah SWT. Oleh itu, setiap amalan ibadat yang digariskan dalam Islam mencerminkan gaya hidup seseorang muslim dalam setiap aspek kehidupan termasuk solat. Ia membentuk kehidupan manusia dan membawa kebahagiaan di dunia dan akhirat. Solat dianggap sebagai tiang agama. Jika ia tidak ada, Islam tidak akan berfungsi dengan baik. Islam menyatakan bahawa solat penting dalam semua aspek kehidupan manusia. Antaranya ia sifat orang yang bertakwa yang melengkapkan mereka dengan sifat yang terpuji. Allah berfirman "Sesungguhnya yang seburuk-buruk makhluk melata menurut Allah ialah orang-orang yang ingkar kerana tidak mahu beriman." al-Anfal: 55)

Hikmah solat juga adalah mampu melahirkan individu yang berdisiplin dalam pelbagai aspek seperti kepatuhan kepada waktu, ketaatan kepada pemimpin, berdisiplin dan mengawal diri dari melakukan perkara yang dimurkai Allah SWT.

Waktu adalah hal yang sangat mustahak dalam mendirikan solat kerana setiap solat ada masanya yang tertentu dan tersendiri. Bahkan salah satu dari syarat sah solat adalah mendirikan solat dalam waktunya. Oleh itu, ketepatan waktu sangat penting. Golongan yang solat di awal waktu adalah mereka yang menepati waktu. Dengan itu, apabila seseorang itu berjaya menjaga disiplin dalam solat, maka dia akan berterusan menjaga masanya dalam kehidupan seharian. Ini adalah kerana, solat secara tidak langsung mengajar seseorang itu untuk menguruskan masa dengan baik dan tepat.

Mendirikan solat juga adalah mengerjakan segala kewajipan - kewajipan atau tetap memelihara waktunya dengan menyempurnakan wudhu', ruku' dan sujudnya. Ini menunjukkan bahawa solat fardu diwajibkan mengikut masa dan waktu yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Maka, menjadi kewajipan setiap Muslim untuk memelihara solat fardu dan ditunaikan pada waktu-waktunya yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Dari Abdullah bin Umar ra, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: " Islam itu dibina dan ditegakkan di atas lima asas iaitu mengucapkan dua kalimah syahadah (dengan meyakini serta menerangkan kebenaran bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah SWT dan bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad SAW ialah pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, memberi zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitullah".

Solat mengajar orang ramai untuk sentiasa bersedia dan berhati-hati dengan waktu. Sebaik sahaja tiba waktu solat, mereka harus segera bersolat dan mengelakkan diri daripada lalai dengan urusan lain. Ini disebabkan oleh kepercayaan kita bahawa Allah adalah yang paling tinggi dan layak untuk dihormati. Solat juga mengajar kita untuk menghargai dan mencintai masa agar kita tidak mensia-siakannya. Ini kerana mensia-siakan masa yang berharga sama dengan mensia-siakan umur kita (Budiman Radhi, 1968). Dia dilindungi daripada melakukan perkara jahat dan salah kerana iman yang ditanam dalam jiwa.

#### KETAATAN KEPADA PEMIMPIN

Solat fardhu yang dilakukan secara berjemaah mempunyai keupayaan untuk menanamkan sifat kepimpinan dalam diri orang Islam. Imam yang dilantik memimpin solat berjemaah, menunjukkan sifat kepimpinan ini. Selain itu, solat berjemaah ini boleh membantu muslim menjadi lebih berdisiplin dan bertanggungjawab terhadap diri mereka dan seluruh masyarakat. Ini adalah sikap yang boleh dilihat apabila imam mengajar kita dan memerintahkan kita untuk membetulkan saf setiap kali kita ingin bersolat. Dalam solat, arahan ini mengajar seseorang untuk tidak mementingkan diri sendiri atau tidak mempedulikan orang lain, terutama mereka yang paling hampir dengan kita, seperti jiran, komuniti setempat dan ahli keluarga. Solat mendidik disiplin untuk patuh kepada pemimpin, terutamanya dalam solat berjemaah, iaitu:

- i. Setiap makmum mestilah mengikuti perbuatan imam daripada niat solat sehinggalah selesai memberi salam. Ini adalah simbolik dalam kehidupan seharian iaitu mematuhi arahan pemimpin. Aspek ini juga sangat dititikberatkan dalam sesebuah organisasi.
- ii. Suara makmum juga dilarang untuk lebih tinggi dan terdahulu daripada imam. Jika tidak, tidak sah solatnya. Lalu, solat berjemaah dapat mendisiplinkan hati, akal serta fizikal agar mematuhi pemimpin.
- iii. Makmum juga tidak boleh bergerak tanpa didahului oleh imam. Sehingga di luar solat pun jika disiplin ini bertererusan akan melahirkan masyarakat yang menghormati para pemimpin di mana-mana saja.
- iv. Solat jemaah juga mengutamakan hal barisan atau saf yang lurus dan rapat. Begitulah dalam kehidupan seharian, yang mementingkan penyatuan dan perpaduan. Bukannya renggang dan tidak berukhuwah.
- v. Makmum boleh mengingatkan atau menegur imam jika terlupa rukun atau bacaan. Imam juga boleh diganti dengan orang yang di belakangnya jika solat terbatal. Semua ada caranya, begitulah jika seseorang pemimpin yang terkhalaf, tersalah atau terlajak kata yang pasti ada caranya untuk diselesaikan.

b) FOKUS DAN TUMPUAN

Salah satu elemen penting yang mesti ada pada setiap individu Muslim ketika mengerjakan solat ialah khusyuk atau menghadirkan hati. Ia boleh dicapai apabila kita berkonsentrasi kepada Allah SWT, iaitu apabila kita mendirikan solat dengan cara yang kelihatan seperti Allah sedang melihat kita, membaca bacaan dengan betul dan bertindak dengan cara yang betul. Hal ini memberi kesan kepada kehidupan sebagai seorang Muslim kerana jika tumpuan atau fokus pada solat digunakan dalam kehidupan seharian, setiap pekerjaan akan dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas yang akan menghasilkan hasil yang terbaik dan memuaskan. Allah berfirman: "Sesungguhnya kemenangan bagi orang mukmin yang khusyuk di dalam solat." (al-Mukminun: 1-2)

c) MENGAWAL DIRI DARI MELAKUKAN PERKARA YANG DIMURKAI ALLAH S.W.T

Solat yang diabaikan akan membawa kepada pelbagai tingkah laku dan perlakuan yang bertentangan dengan naluri manusiawi. Keimanan yang kukuh kepada Allah SWT akan mendorong seseorang untuk terus melaksanakan tuntutan solat dan menghalang mereka daripada melakukan perkara yang tidak baik. Selain itu, iman yang lemah akan membawa kepada sikap yang mengabaikan solat dan sering melalaikan perintah solat. Muslim yang sentiasa mematuhi solatnya akan dapat mengelakkan masalah disiplin dan mengawal diri daripada melakukan perkara yang tidak berfaedah. (Mohamad Kamal Sulaiman dan Hafizhah Zulkifli, 2021) Allah berfirman yang bermaksud: "Bacalah dengan apa yang diwahyukan kepadamu, iaitu al-Quran serta tunaikanlah solat. Kerana sesungguhnya solat itu dapat mencegah daripada perkara yang keji dan mungkar. Sesungguhnya mendirikan solat itu adalah lebih utama dari ibadat yang lain. Setiap perkara yang kamu lakukan semuanya dalam pengetahuan Allah SWT". (Al-Ankabut : 45)

Amalan dan penghayatan solat yang sempurna juga amat penting dalam mengawal diri. Kegagalan atau kecuai seseorang hamba dalam menjalankan solat dianggap sebagai meruntuhkan agama mereka. Ini adalah kerana solat berfungsi sebagai alat untuk menilai tahap ketaatan atau ketidaktaatan seseorang hamba terhadap Allah SWT. Semua pihak seharusnya mengambil berat tentang kesalahan mengabaikan solat. Dalam Islam, solat adalah ibadah rukun yang melindungi daripada segala perkara buruk dan buruk (Masjuki, 2017). Allah SWT berfirman yang bermaksud; "Dan dirikanlah solat, sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan keji dan munkar." (al-Ankabut:45)

Solat juga merupakan hubungan dengan Allah yang akan menjadikan Muslim akan merasa malu apabila melakukan dosa besar dan perbuatan keji ketika berjumpa dengan Allah (Qutb, 2004). Ia juga dilihat sebagai benteng utama pertahanan diri dan pembinaan jatidiri Muslim. Allah menjanjikan balasan yang amat dahsyat bagi mereka yang cuai dan meringankan solat (al-Ma'un:4-5) . Ia merupakan ibadah yang sangat penting dan merupakan rukun Islam yang kedua. Solat juga akan menjadi benteng daripada perbuatan yang keji seperti zina, merompak, merugikan orang lain, berdusta, menipu dan segala perbuatan mungkar iaitu yang mendapat celaan daripada masyarakat ialah solat yang dikerjakan dengan khusyuk'. Ia bermaksud solat yang didirikan dengan mengingati bahawa tujuan solat ialah untuk melatih diri selalu mengingati Allah (Hamka, 2015).

Menurut Shukri Ahmad (2014), pengabaian solat adalah punca kebanyakan keruntuhan akhlak yang berlaku pada masa ini. Mereka yang sentiasa menjaga solatnya menunjukkan bahawa mereka benar-benar percaya dan patuh terhadap perintah Allah SWT. Mohd Jorran (2015) menyokong pendapat ini, menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat antara amalan solat dan isu akhlak. Pelajar yang sentiasa bersolat juga didapati mempunyai nilai akhlak yang tinggi, yang menunjukkan hubungan yang kuat antara amalan solat dan akhlak.

## 5.0 SOROTAN KAJIAN

Salah satu daripada rukun Islam yang mesti dilakukan oleh setiap individu yang mengaku beriman kepada Allah SWT ialah solat. Nor Dalilah (2013) menyatakan bahawa melalui kewajipan solat, ia membimbing manusia ke arah jalan kebenaran dan jalan iman serta taqwa. Solat harus disempurnakan mengikut rukun-rukunnya. Seseorang boleh mendekatkan diri kepada Allah dan menghalang daripada melakukan perkara yang buruk dan keji dengan melakukan solat dengan sepenuh hati. Seseorang yang bersolat akan menjadi lebih dinamik, progresif, berdaya tahan, berkarisma dan mempunyai imej yang soleh. Ini boleh dilihat dalam tingkah laku seharian mereka. Jika seseorang tidak mengikuti perintah Allah ini, mereka akan menjadi lemah pendirian, mudah terpedaya dan segala amalannya akan rosak.

Kajian yang dijalankan oleh Mohamad Kamal Sulaiman dan Hafizhah Zulkifli (2021) mendapati bahawa solat membuatkan seseorang sentiasa berdisiplin dan cuba mengelakkan sifat atau perkara yang tidak baik. Ini menunjukkan bagaimana solat memberi kesan kepada pembentukan akhlak dalam kehidupan seharian. Ia adalah ibadah utama yang perlu dilakukan dengan sepenuh hati. Jika ia diabaikan, ia akan membawa kepada banyak tingkah laku dan perlakuan buruk yang bertentangan dengan naluri manusiawi. Keimanan yang kukuh kepada Allah SWT akan mendorong seseorang untuk terus melaksanakan tuntutan solat dan menghalang mereka daripada melakukan perkara yang tidak baik. Selain itu, iman yang lemah akan membawa kepada sikap yang mengabaikan solat dan sering melalaikan perintah solat. Kanak-kanak yang sentiasa mematuhi solatnya akan dapat mengawal diri daripada melakukan perkara yang tidak berfaedah dan mengelakkan masalah disiplin.

Mendirikan solat juga merupakan cara untuk meningkatkan penghayatan hidup beragama. Antara objektif utama ajaran Islam ialah menjadikan manusia umat yang beriman dan bertakwa. Oleh itu, usaha untuk meningkatkan penghayatan hidup beragama dalam masyarakat Islam harus dilakukan dengan teliti dan berterusan. Ini disebabkan oleh fakta bahawa masyarakat Islam semakin tidak teratur dalam pengamalan agama mereka dan semakin kurang dalam memahaminya. Amalan solat boleh membantu mengukuhkan hubungan dengan Allah SWT dan menghalang daripada melakukan perkara yang tidak baik. Kajian Norul Huda Binti Bakar dan Mariam Abd. Majid (2015) mendapati bahawa, apabila bercakap tentang peranan solat dalam membina penghayatan hidup beragama, solat yang disyariatkan Allah SWT kepada manusia bukanlah sekadar tindakan ritual hamba kepada Tuhannya. Tetapi, ia juga berperanan besar dalam membentuk individu beragama yang beriman dengan penuh ketaatan dan ketakwaan. Sekaligus, daripada individu-individu Muslim yang bertakwa ini akan mewujudkan masyarakat Islam yang menghayati segala perintah Allah SWT. Salah satu usaha untuk menjadikan solat sebagai benteng mengukuhkan agama dan cara bagi memastikan solat dilaksanakan dengan sempurna adalah dengan khusyuk,

penuh penghayatan dan ketelitian. Antara bentuk penghayatan yang perlu diberikan tumpuan ialah penghayatan terhadap bacaan-bacaan yang dibaca dan perbuatan-perbuatan yang dilakukan ketika solat.

Selain itu, beberapa kajian telah dijalankan mengenai solat. Antaranya termasuk tahap penghayatan solat, bagaimana ia memberi kesan kepada keupayaan seseorang untuk memimpin, dan cara solat berinteraksi dengan cara menangani tekanan. Kajian yang dijalankan oleh Fatimah Ibrahim, Wan Abu Bakar Wan Abas, dan Ng Siew Cheok (2008) mendapati bahawa jika solat dilakukan dengan cara yang betul dan sesuai, ia boleh membantu mengurangkan tekanan. Solat juga membantu seseorang menjadi lebih stabil secara emosi dan mental. Untuk mendapatkan keputusan yang lebih tepat, kajian ini dijalankan dengan memeriksa kesihatan peserta sebelum dan selepas solat. Kajian ini menunjukkan bahawa solat adalah cara terbaik untuk mengimbangi ion positif dan negatif. Seseorang Muslim juga boleh mendapat disiplin dengan solat berjemaah.

Nor Azah Abdul Aziz (2011) menyokong kajian ini dengan menyatakan bahawa semasa sujud, bekalan darah di kawasan kepala meningkat. Ini membantu pesakit darah tinggi dan orang yang mengalami insomnia. Selain itu, kajian tentang hubungan antara solat dan kebimbangan (ketakutan) adalah sama (Che Zarrina Saari, 2001; Ahmad Hisham Azizan dan Che Zarrina Saari, 2009). Idris et al. (2012) dalam kajiannya mendapati bahawa amalan solat mempunyai kaitan dengan keupayaan untuk mengurangkan jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak.

Secara keseluruhannya, solat adalah ibadah khusus yang mesti diutamakan oleh setiap orang yang beragama Islam. Seseorang boleh menghasilkan generasi yang unggul dan mempunyai nilai akhlak yang tinggi dengan bersolat secara tetap. Sebuah kajian oleh Mohamad Kamal Sulaiman dan Hafizhah Zulkifili (2021) mendapati bahawa pelajar masih tidak melakukan solat fardhu. Oleh itu, untuk menarik minat dan menimbulkan rasa tanggungjawab terhadap perintah amalan solat walau di mana-mana mereka berada, sama ada di sekolah, di rumah atau di mana-mana tempat lain, beberapa aspek perlu diambil kira dengan teliti. Adalah dikhuatiri bahawa apabila murid-murid ini mengabaikan solat, mereka akan didedahkan kepada keruntuhan akhlak yang akan membawa kepada gejala sosial yang menyimpang dari akhlak yang sebenar. Oleh kerana pengabaian perintah solat adalah punca masalah tingkah laku yang tidak baik seperti penyalahgunaan dadah, pembuangan bayi, keruntuhan akhlak dan sebagainya, isu ini harus diambil serius. Akhirnya, pengabaian solat akan menyebabkan pelbagai gejala negatif, termasuk kehancuran akhlak dan jati diri serta penyimpangan moral yang tidak berkesudahan. Oleh itu, semua pihak perlu menyokong dan mendorong setiap pelajar untuk memperkasakan kefahaman dan keyakinan mereka dalam melaksanakan kewajipan solat mereka serta melaksanakannya dengan sebaik-baiknya. Pada masa hadapan, ia akan mempunyai keupayaan untuk mengekalkan kualiti akhlaknya dengan mengekalkan solat.

Suhaila (2018) dalam kajian beliau mendapati bahawa enam sebab utama pelajar tidak solat. Salah satu faktor ini ialah penggunaan media sosial dan teknologi yang terlalu lama sehingga terlepas solat. Hasil ini menyokong idea bahawa teknologi dan aplikasi sosial boleh menjadi baik jika digunakan dengan betul, tetapi menggunakannya tanpa disiplin diri boleh membawa kepada pengabaian solat, yang merupakan asas ibadah Muslim. Selain aspek teknologi. Selain itu, elemen keluarga mempunyai kesan ke atas sama ada seseorang itu melaksanakan atau mengabaikan solat. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendidikan agama dan pemahaman agama

sejak kecil adalah perkara utama yang membuatkan pelajar mendirikan solat. Selain itu, keluarga memberikan dorongan dan teladan kepada pelajar untuk terus solat lima waktu. Solat melatih insan supaya sentiasa bersedia dan berwaspada kepada waktu. Apabila tiba waktu solat maka digalakkannya bersegera menunaikannya dan jangan leka atau dilalaikan dengan urusan lain.

## 6.0 PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan betapa pentingnya pendidikan agama dan ilmu berkaitan solat bagi seorang Muslim, terutamanya pelajar. Di peringkat tinggi, seperti di kolej dan universiti, ilmu ini sangat diperlukan kerana pelajar sudah mula belajar untuk menjadi bebas dan bergantung kepada diri sendiri dalam menentukan cara mereka bertindak dan bertindak. Mereka sudah tidak diawasi oleh ibu bapa atau keluarga yang dahulunya mendidik mereka untuk bertindak dan berbudi bahasa. Pelajar boleh melaksanakan ibadat solat setiap hari bergantung pada tahap kesedaran mereka tentang hikmatnya.

Pelaksanaan solat dengan khusyuk dan tertib mempunyai banyak faedah. Seorang muslim yang sentiasa melakukan solat akan membuat hatinya bersih, jiwanya tenang, dan hubungannya dengan Allah SWT akan meningkat. Selain itu, solat mempunyai keupayaan untuk menanamkan disiplin dalam pelbagai cara, seperti mematuhi waktu, taat kepada pemimpin, mengekalkan fokus dan tumpuan, dan mengawal diri daripada melakukan perkara yang dimurkai Allah SWT. Solat mengajar orang ramai untuk sentiasa bersedia dan berhati-hati dengan waktu. Sebaik sahaja tiba waktu solat, mereka harus segera bersolat dan mengelakkan diri daripada lalai dengan urusan lain. Ini disebabkan oleh kepercayaan kita bahawa Allah adalah yang paling tinggi dan layak untuk dihormati.

Solat fardhu yang dilakukan secara berjemaah mempunyai keupayaan untuk menanamkan sifat kepimpinan dalam diri orang Islam. Imam yang dilantik memimpin solat berjemaah, menunjukkan sifat kepimpinan ini. Dengan melakukan solat secara berjemaah, anda akan menjadi lebih berdisiplin. Makmum mesti mengikuti setiap pergerakan imam, jika tidak, solat mereka akan terbatal. Sebagai imam, mereka mempunyai tanggungjawab untuk memimpin makmum, dan sebagai makmum, mereka mempunyai tanggungjawab untuk mengikuti imam.

Khusyuk, atau menghadirkan hati ketika mendirikan solat, juga merupakan elemen terpenting yang mesti ada pada setiap individu Muslim ketika menunaikan solat. Jika ini digunakan dalam kehidupan seharian sebagai seorang Muslim, setiap pekerjaan yang dilakukan akan diberi tumpuan dengan bersungguh-sungguh. Ini adalah kerana jika seseorang tidak mempunyai fokus dan tumpuan yang betul semasa melaksanakan solat, hasil kerja mereka akan buruk dan tidak sempurna. Oleh itu, jika seseorang tidak mengikuti rukun yang ditetapkan, terutamanya bacaan yang perlu dibaca, solat akan terbatal.

Solat yang dilakukan dengan khusyuk juga akan melindungi daripada perbuatan keji seperti zina, merompak, merugikan orang lain, berdusta, menipu, dan segala perbuatan mungkar yang mendapat celaan daripada masyarakat. Ia bermaksud bahawa solat dilakukan dengan mengingati bahawa matlamatnya ialah untuk melatih diri untuk mengingati Allah setiap masa. Ini adalah kerana apabila seseorang itu melakukan solat, dia akan merasakan bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi dan

memerhatikan tingkah lakunya, yang membolehkannya menjauhkan dirinya daripada perkara negatif.

Kajian ini mendapati bahawa solat mempunyai banyak kesan terhadap kepimpinan diri, terutamanya pada tahap kepatuhan kepada waktu, ketaatan kepada pemimpin, keupayaan untuk menjadi fokus dan berfokus, dan keupayaan untuk sentiasa mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang tidak baik. Kajian ini boleh diteruskan dengan menumpukan pada pelajar Orang Asli tentang bagaimana solat mempengaruhi kepimpinan mereka dan bagaimana mereka menghadapi Revolusi 4.0

## 7.0 PENUTUP

Solat adalah amalan yang dipandang tinggi oleh Allah SWT. Solat mempunyai keupayaan untuk mendidik jiwa dan rohani setiap orang. Ia juga bertujuan untuk mengangkat martabat dan martabat orang yang sering mengamalkannya serta mencegah kita daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar. Selain itu, solat mempunyai keupayaan untuk membina individu yang berdisiplin dalam pelbagai bidang, seperti kepatuhan kepada waktu, ketaatan kepada pemimpin, keikhlasan dalam kerja mereka, dan keupayaan untuk mengawal diri daripada melakukan perkara yang dimurkai Allah SWT.

Untuk mencapai tujuan dan matlamat tersebut, solat perlu dilakukan dengan sepenuh perhatian dan ikhlas, serta dengan penuh kecintaan terhadap Allah SWT sebagai khaliq yang menciptakan diri kita. Penglibatan pelajar dalam solat juga perlu dilaksanakan dalam bentuk pemahaman, pelaksanaan dan penghayatan. Ia adalah ibadah yang mesti dilakukan dan merupakan asas kepada semua ibadah yang lain. Selain itu, ia membentuk personaliti dan sahsiah individu. Ramai orang masih melakukan ibadah ini dengan salah dan tidak tawaduk, apatah lagi melibatkan ibadah sunat. Hal ini sangat membimbangkan ibu bapa dan guru sahaja, tetapi ia telah berkembang menjadi perdebatan yang memerlukan perhatian daripada semua lapisan masyarakat. Kebimbangan yang tidak berkesudahan timbul apabila pelajar yang akan menentukan masa depan negara telah terlibat dalam jenayah delikuen, buli, mencuri dan sebagainya sejak awal mereka.

Oleh itu, pihak yang berkenaan perlu mengambil pelbagai tindakan untuk meningkatkan pemahaman dan pengamalan ibadah solat dalam kalangan pelajar. Sebagai contoh, adalah penting bahawa pelajar digalakkan untuk memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang fardhu ain dan fardhu kifayah. Untuk mencapai matlamat ini, sekolah perlu mencipta cara baharu untuk menarik pelajar untuk pergi ke masjid dan juga menawarkan kem, kursus dan program yang membantu pelajar memahami, menghayati dan melaksanakan solat fardhu.

Peranan ibu bapa juga penting untuk mencapai matlamat ini. Ibu bapa harus memberi galakan yang sepenuhnya kepada anak-anak mereka untuk mempelajari lebih banyak tentang solat dan melaksanakannya. Tambahan pula, pihak masjid dan majlis agama digalakkan untuk meningkatkan aktiviti dakwah di jalanan dan meningkatkan pengetahuan tentang fardhu ain dan fardhu kifayah, terutamanya solat berjemaah. Bagi menarik perhatian orang ramai, pihak masjid dan penganjur majlis ilmu digalakkan untuk menyiarkan secara langsung program mereka di platform media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter, dan YouTube. Ini akan memberi manfaat kepada mereka yang berada jauh atau tidak dapat menghadiri majlis.

## 8.0 RUJUKAN

- Al-Asqalani, Ibn Hajar. 2004. *Bulugh al-Maram min Adillat al-Ahkam*. Cet. 6. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Al-Bakri, D. Z. (2017). *Al-Fiqh al-Manhaji, Ibadat dalam Fiqh al-Shafi'i*. Bandar Baru Bangi: Darul Syakir Enterprise.
- Al-Jurjawi, Syekh Ali Ahmad. 2006. *Hikmah al-Tasyri' wa Falsafatuh*. Terj. Faisal Saleh. Jakarta: Gema Insani.
- Al-Sharbini. 1940. *Al-Iqna' Fi Hall Alfaz Abi Shuja'*. Jil. 1. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih.
- Al-Zuhaily, D. M. (2015). *Al-Mu'tamad Dalam Fiqh Mazhab Syafi'i*. Kuala Lumpur: Persekutuan Seruan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1997. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Jil. 1. Damsyiq: Dar alFikr.
- Anisah Ab. Ghani. (2001). *Konsep dan Pengamalan solat*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Badran. 1985. *al-'Ibadat al-Islamiyyah*. Kaherah: Mu'assasah Shabab al-Jami'ah Iskandariyyah.
- Budiman Radhi (1968), *Falsafah Rukun Islam*, c.3, Kelantan : Pustaka Aman Press Sdn Bhd,ms 62.
- Hamdani Bakran Adz-Dzakiey. 2007. *Jangan Kecewakan Allah Dengan Shalatmu*. Yogyakarta: Pustaka al-Furqan.
- Hasna Bidin. 2016. *Pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti negeri Johor*. Tesis sarjana, UTM.
- Hasna Bidin & Mohd Nazari Khalid @ Abu Samah.(2020).*Kajian Pemahaman dan Pelaksanaan Ibadat Solat Fardu dalam kalangan pelajar di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti cawangan Gelang Patah*.E-Journal of Islamic Thought and Understanding. Volume 2.2020.ms4-5.
- Ibn Manzur. 1956. *Lisan al-'Arab*. Jil. 61. Beirut: Dar Sadir.
- Johari El-Yamani dan Ustaz Junaid Talip.(2003). *As -Solat : Naskhah Lengkap Bimbingan Ibadah Solat yang menuntut ke arah kesempurnaan Iman, Perlaksanaan Hukum, Kemuliaan Akhlak dan Kedaulatan Kehidupan Sejahtera*. Kuala Lumpur:Al-Hidayah Publishers.
- Masjuki Misbah.(2017). *Hubungan Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Dan Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Pelajar Di Daerah Johor Bahru*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Muslim, Abi al-Husayn b. al-Hajjaj al-Qusyari al-Naysaburi. 2003. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Fikr
- Mohamad Kamal Sulaiman dan Hafizhah Zulkifli.2021. *Implikasi Solat Terhadap Akhlak Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah*. *Journal of Quran Education and SpecialNeeds*. Volume 5. 2021. ms 1-13.
- Mohamad Kamal Sulaiman & Hafizhah Zulkifli (2021). *Implikasi Solat Terhadap Akhlak dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah*:*JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* Vol. 5 June 2021, no. e-ISSN 2590-3799.2021.ms 10-11.
- Mohd. Jirran Mohd Jeperi. (2015). *Pemahaman Dan Amalan Ibadah Solat Fardhu Serta Hubungannya Dengan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Di Daerah Kuala Terengganu*. (Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Utara Malaysia).

- Mohd Khusyairie Marzuki, Mohd Muhiden Abdul Rahman & Affendi Ismail (2018). Sikap Pelajar Terhadap Pengamalan Solat Fardu dan Kesannya kepada Pembentukan Sahsiyah: Kajian di UiTM, Kelantan Kampus Kota Bharu.
- Mohd Nazir bin Ibrahim. (2013). Kefahaman dan Penghayatan Amalan Solat Fardu dalam kalangan orang asli Pos Pulat, Gua Musang, Kelantan. Tesis Sarjana Muda. Perak Darul Ridzuan: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noraini Junoh & Nor Asmira Mat Jusoh. (2018). Falsafah Ibadat Solat berdasarkan al Sunnah: Analisis Pandangan Shah Wali Allah Al Dihlawi. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa. SeFPIA 2018 | SPECIAL EDITION. ms 139-154.
- Nor Dalilah Zakaria (2013). Pelaksanaan Ibadat Solat dan Hubungannya dengan Konflik Rumahtangga: Kajian di Unit Rundingcara Keluarga, Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga, JAWI. Jurnal Syariah, Jil.21, Bil. 2, Hal. 145-164, Jabatan Usul Fiqh: Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Norul Huda Binti Bakar dan Mariam Abd. Majid. (2015). Peranan Solat dalam membangunkan penghayatan hidup beragama: Satu tinjauan. Seminar Antara Universiti Pengajian Lulusan Ijazah dan Pertandingan Poster 2015, Hotel Everly Putrajaya, Malaysia. ms 10.
- Norzira Binti Ahmad. 2019. Pengamalan Solat Fardu Dalam Kalangan Pelajar Pengurusan Dalam Islam Jabatan Perdagangan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis (PTSS). E-Proceeding LEC 2019 Full Paper, hlm.83-93.
- Siraj al-Din, 'Abd Allah. 1971. al-Salah Fi al-Islam. t.t.p.: Jami'ah al-Ta'lim al-Shar'i.
- Suhaila, N., Suhaily, M. S., Siti Syuhada, A. R., Ahmad A'toa' M & Azri Rizal, M R. (2018). Isu-Isu Pengabaian Solat Dalam Kalangan Remaja Di Negeri Selangor. Masjid, Zakat And Waqf Management 2018 (Imaf 2018). <http://conference.kuis.edu.my/imaaf/images/e-proceedings/2018/PAPER-9-SUHAILA-NADZRI.pdf>.
- Syukri Ahmad, et al (2014). Penghayatan Solat Dan Pengimarahkan Masjid: Kajian Dalam Kalangan Pelajar. Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014, 9-10 Jun, Kota Kinabalu, Sabah.